

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SERI TANJUNG

KERJA LAPANGAN GEOGRAFI TINGKATAN 3

TAJUK: POTENSI KEGIATAN PELANCONGAN DI PRESINT 6, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

**Disediakan oleh:
Nor Amira Binti Mat Aziz
Tingkatan 3 Pintar**

Senarai Kandungan

Penghargaan	1
Pendahuluan	1
Objektif Kerja Lapangan	1
Kawasan Kerja Lapangan	1
Kaedah Kerja Lapangan	2
Hasil Kerja Lapangan	3
Rumusan	5
Rujukan	6
Lampiran	7

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pn. Nor Atikah Abdullah, pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tanjung, kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kerja lapangan ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada guru geografi saya, Encik Ahmad Ridzuan bin Abd Rahman yang sentiasa memberikan bimbingan dan tunjuk ajar. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang memberikan sokongan dan dorongan sepanjang kerja lapangan ini dilaksanakan. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan saya, Humairah binti Jamal, Siti Hajar binti Yakob dan Safa Atikah binti Ahmad atas bantuan dan kerjasama yang telah diberikan. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada responden dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan kerja lapangan ini.

PENDAHULUAN

Saya telah memilih tajuk Potensi Kegiatan Pelancongan di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Saya memilih tajuk ini kerana kawasan ini merupakan antara kawasan tumpuan pengunjung yang datang melawat ke Putrajaya. Kawasan ini juga terletak berhampiran dengan rumah saya, iaitu menepati tema kerja lapangan yang memerlukan pemilihan kawasan berhampiran dengan tempat tinggal atau sekolah. Saya akan mengkaji tentang potensi jenis pelancongan yang dapat dijalankan, masalah yang berlaku dan cadangan yang dapat mengatasi masalah yang berlaku di kawasan kerja lapangan saya. Masa yang diberikan untuk menyiapkan kerja lapangan ini ialah lapan minggu. Kerja lapangan ini perlu ditulis secara individu.

OBJEKTIF KERJA LAPANGAN

Objektif kerja lapangan ini adalah seperti yang berikut:


- (a) Menenal pasti jenis pelancongan yang berpotensi di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- (b) Menghuraikan masalah-masalah pelancongan di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- (c) Menjelaskan langkah-langkah untuk mengatasi masalah pelancongan di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

KAWASAN KERJA LAPANGAN

Kawasan kerja lapangan saya ialah Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kawasan ini terletak berhampiran dengan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Kawasan ini juga dikenali sebagai Kompleks Sukan Air Putrajaya, Presint 6 yang mempunyai kolam renang, kemudahan sukan air seperti kayak, ski air, polo air dan disediakan juga laluan untuk berjoging.

Bentuk muka bumi kawasan ini ialah tanah pamah dan terdapat tasik buatan. Terdapat

sebuah hotel bertaraf lima bintang berhampiran kawasan kerja lapangan saya. Selain itu, kawasan kerja lapangan saya juga bersebelahan dengan pusat maritim yang menyediakan kemudahan kolam renang, restoran, gimnasium, gelanggang skuasy dan juga perkhidmatan Cruise Tasik.



Peta 1 Kawasan kerja lapangan di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya

KAEDAH KERJA LAPANGAN

Saya telah menggunakan beberapa kaedah kajian dalam menyiapkan kajian ini. Antaranya ialah:

Pemerhatian

Saya telah menggunakan kaedah ini untuk memerhati jenis pelancongan dan kemudahan yang terdapat di kawasan kerja lapangan.

Soal selidik

Saya telah menyediakan borang soal selidik untuk diedarkan kepada 15 responden di kawasan kerja lapangan.

Rujukan

Saya telah melayari Internet bagi mendapatkan maklumat tambahan mengenai kawasan kerja lapangan. Saya juga telah merujuk buku teks, keratan akhbar dan berkunjung ke pejabat Kompleks Sukan Air Putrajaya, Presint 6 bagi mendapatkan segala maklumat yang diperlukan untuk melengkapkan kerja lapangan saya.

HASIL KERJA LAPANGAN

Jenis Kegiatan Pelancongan yang Berpotensi Dimajukan

Hasil kerja lapangan yang telah saya jalankan, saya dapati kawasan ini sangat berpotensi untuk aktiviti pelancongan berasaskan sukan air dan juga rekreasi.

Pelancongan sukan air

Berdasarkan pemerhatian saya, Kompleks Sukan Air Putrajaya, Presint 6 amat sesuai untuk dijadikan kawasan pelancongan sukan air. Kawasan ini terdapat tasik buatan yang luas dan sangat sesuai untuk dianjurkan pertandingan seperti kayak, perahu naga, perahu layar, ski air dan renang maraton. Pada kejohanan Sukan SEA 2017, telah diadakan pertandingan renang terbuka dan ski air di sini yang turut dimenangi oleh peserta dari negara kita, iaitu Aaliyah Yoong Hanifah. Oleh yang demikian, perancangan yang tersusun dan promosi yang lebih giat perlulah diberi perhatian agar lebih banyak kejohanan sukan air dapat dianjurkan di kawasan ini. Secara tidak langsung, pelancongan sukan air ini akan semakin mendapat tempat di negara kita.

Pelancongan rekreasi

Kawasan kerja lapangan saya juga mempunyai binaan bangunan yang cantik seperti hotel bertaraf lima bintang, landskap yang menarik dengan suasana persekitaran yang tenang dan damai. Terdapat juga pantai buatan yang dibina di sini. Selain itu, pengunjung juga boleh menikmati keindahan tasik dengan menaiki perahu Dondang Sayang atau Cruise Tasik. Bagi perkhidmatan Cruise Tasik, terdapat beberapa pakej yang menarik yang disediakan termasuk pakej menikmati suasana matahari terbenam. Saya berpendapat, kegiatan pelancongan rekreasi sangat sesuai dijalankan di kawasan kerja lapangan saya.



Foto 1 Cruise Tasik



Foto 2 Permainan ski air



Foto 3 Pemenang pingat emas acara ski air Sukan SEA 2017

Masalah Pelancongan yang Wujud di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tiada kemudahan pengangkutan awam


Perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas tidak disediakan untuk ke kawasan kerja lapangan saya. Perhentian bas juga tidak dibina di kawasan sekitar. Hal ini demikian kerana kawasan ini mempunyai kawasan kediaman penduduk yang terhad. Keadaan ini juga menyukarkan pengunjung untuk sampai ke sini, terutamanya pelancong yang bergantung kepada kenderaan awam seperti bas. Pengangkutan bas yang utama di Putrajaya, iaitu Nadi Putra juga tidak menyediakan operasi laluan ke kawasan ini.

Ketiadaan gerai dan pusat jualan

Hasil daripada soal selidik yang saya jalankan, pengunjung juga menyatakan bahawa sukar untuk mereka membeli makanan dan minuman. Mereka berpendapat, sepatutnya gerai menjual makanan, minuman dan pusat jualan cenderamata disediakan di kawasan ini untuk memberi kemudahan kepada pengunjung.

Kekurangan parkir

Masalah parkir biasanya wujud apabila terdapat aktiviti atau pertandingan yang melibatkan bilangan peserta atau pengunjung yang ramai. Mereka terpaksa memarkir kenderaan di bahu-bahu jalan dan mengganggu keadaan trafik.



Graf 1 Masalah aktiviti pelancongan di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya

Berdasarkan graf di atas, seramai sembilan orang responden menyatakan bahawa masalah aktiviti pelancongan di kawasan ini adalah tiada pengangkutan awam. Seramai empat orang memilih masalah tiada gerai jualan disediakan dan seramai dua orang memilih masalah parkir yang boleh mengganggu aktiviti pelancongan di kawasan kerja lapangan saya.

Cadangan Mengatasi Masalah Pelancongan di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya

Operasi pengangkutan awam yang efisien

Kemudahan dan prasarana pengangkutan awam sangat penting terutamanya bagi destinasi yang menjadi tumpuan pelancong. Oleh itu, adalah sangat wajar jika kemudahan pengangkutan awam ke Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya seperti bas Nadi Putra menyediakan operasi laluan ke kawasan kerja lapangan untuk kemudahan pelancong. Dicadangkan juga agar pada hari minggu, cuti umum dan sekiranya terdapat sesuatu aktiviti atau pertandingan, kekerapan pergerakan bas ke tempat ini dapat ditingkatkan. Pergerakan bas yang tersusun dapat mengatasi masalah kekurangan parkir kerana masyarakat akan menggunakan pengangkutan awam yang disediakan.

Mendirikan gerai dan pusat jualan

Saya sangat bersetuju dengan cadangan beberapa responden yang saya temui mengenai ketiadaan gerai jualan. Gerai atau kiosk yang menjual makanan dan minuman boleh disediakan di kawasan tumpuan seperti tempat duduk berbumbung yang dibina di tepi tasik. Saya juga ingin mencadangkan supaya peniaga mestilah dalam kalangan penduduk setempat. Peluang sebegini secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka. Gerai menjual cenderamata pula haruslah menyediakan cenderamata yang beridentitikan Kompleks Sukan Air Putrajaya seperti replika perahu Dondang Sayang.

RUMUSAN

Hasil daripada kerja lapangan yang telah saya jalankan, saya dapati kawasan Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya sangat berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan pelancongan sukan air dan rekreasi. Kemudahan yang telah disediakan dengan reka bentuk bangunan yang unik dapat menarik kehadiran pelancong. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperbaiki agar dapat memenuhi keperluan dan meningkatkan lagi taraf kawasan tersebut sebagai sebuah kawasan pelancongan. Kawasan Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya mampu untuk menjadi kawasan pelancongan berasaskan sukan air dan rekreasi yang bukan sahaja untuk pelancong tempatan malahan juga pelancong dari luar negara.

RUJUKAN

Buku

Hisham Azman Ibrahim & Mohamad Khairun Fitri Ahmad (2017). *Geografi Tingkatan 1*: Cheras: Era Visi Sdn. Bhd.

Kang C. Y., Zulkipli Ismail, Rajanderan, S. (2017). *Geografi Tingkatan 2*: Johor Bahru: IMS Books Trading Sdn. Bhd.

Akhbar

The Star Online, 1 September 2017

Orang Sumber

En. Mohd Yusof bin Abu, 35 tahun,
A102, Jalan P10 A7/3 Presint 5,
62300 Putrajaya,
Selangor.

Hanifah Yoong, 68 tahun,
No. 16, Jalan Sri Tasik Barat 1E,
Summer Glades,
Perdana Lakeview West,
Cyber 7,
63000 Cyberjaya,
Selangor.

Melawat Tempat Kerja Lapangan

Pejabat Kompleks Sukan Air Presint 6,
62000 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Internet

Marina Putrajaya Sdn. Bhd. (2015). *Cruise Tasik Putrajaya*. Diperolehi pada 15 September 2017 daripada <http://goo.gl/le7yK1r>

Waterski & Wakeboard World Cup Sdn Bhd. (2017). *National Water Skiers Underline Potential With Four Golds*. Diperolehi pada 20 Oktober 2017 daripada <http://www.waterski.com.my/index.htm>

LAMPIRAN

Lampiran 1: Surat Makluman kepada Ibu Bapa/Penjaga

Nama sekolah
Alamat sekolah

Rujukan Kami:
Tarikh:

Kepada,
Ibu/Bapa/Penjaga

Tuan,

KERJA LAPANGAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Semua murid Tingkatan sekolah ini akan terlibat dalam kerja lapangan mata pelajaran Geografi bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Hasil kerja lapangan ini merupakan sebahagian daripada pentaksiran sekolah. Bagi tujuan ini, semua murid akan menjalankan kerja lapangan di luar waktu persekolahan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.
4. Dimaklumkan juga bahawa kerja lapangan akan dijalankan pada *..... .

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(Nama Pengetua dan Cap Sekolah)

(Keratan jawapan)

Saya No. Kad Pengenalan
ibu/bapa/penjaga kepada murid bernama
Tingkatan membenarkan/tidak membenarkan anak di bawah jagaan saya
menjalankan kajian kerja lapangan pada tarikh tersebut.

Tandatangan: Nombor telefon:

Lampiran 2: Surat Makluman Akuan Diri Murid

Nama sekolah
Alamat sekolah

Rujukan Kami:
Tarikh:

Kepada sesiapa yang berkenaan.

Tuan/Puan,

KERJA LAPANGAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI

Pembawa surat ini No. Kad Pengenalan
ialah seorang murid Tingkatan di
Murid ini sedang melaksanakan kerja lapangan Kurikulum Standard Sekolah Menengah
(KSSM) Geografi.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami berbesar hati jika pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama kepada murid ini untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.
3. Kerjasama dan bantuan tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

.....
(Nama Pengetua dan Cap Sekolah)

Lampiran 3: Surat Perakuan Murid Tentang Keaslian Kajian

Saya memperakui bahawa kerja lapangan bertajuk Potensi Kegiatan Pelancongan di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya ini ialah hasil kerja saya sendiri melainkan petikan, grafik, gambar dan rajah yang dinyatakan sumber rujukannya.

Saya dengan ini mengaku bahawa kerja lapangan ini adalah asli. Saya ialah satu-satunya penulis kerja lapangan ini.

Yang benar,

.....
()

Disahkan oleh,

.....
()

Tarikh:

Lampiran 4: Borang Soal Selidik

BORANG SOAL SELIDIK GEOGRAFI TINGKATAN 3 POTENSI PELANCONGAN DI PRESINT 6, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Arahan: Sila tandakan (✓) pada ruangan yang disediakan.

1. Nama: _____

2. Jantina:

Lelaki

Perempuan

3. Umur:

Bawah 20 Tahun

21-30 Tahun

31- 40 Tahun

41-50 tahun

Lebih 50 Tahun

4. Pekerjaan:

Kerajaan

Swasta

Bekerja sendiri

Pelajar

Tidak bekerja

5. Nyatakan jenis pelancongan yang dapat dimajukan di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya:

Sukan

Ekologi

Rekreasi

Tema

Lain-lain jenis pelancongan: _____

6. Apakah masalah pelancongan di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya:

Parkir yang tidak mencukupi

Tiada kemudahan gerai jualan

Tiada pengangkutan awam

Lain-lain masalah yang wujud: _____

7. Apakah cadangan penambahbaikan aktiviti pelancongan di Presint 6, Wilayah Persekutuan Putrajaya?

Gerai jualan dan cenderamata

Jadual pengoperasian pengangkutan awam yang efisien

Pemantauan berkala pihak berwajib

Maklumat lengkap tentang kawasan ini

Lain-lain cadangan: _____